

Empat remaja mengaku tidak bersalah cederaakan lelaki di Jalan Bako



MENGAKU TIDAK BERSALAH: Empat remaja terbabit diiringi polis di Mahkamah Kuching semalam.

KUCHING: Empat remaja lelaki berusia antara 18 dan 20 tahun didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menyebabkan kecederaan parah terhadap seorang lelaki di Jalan Bako pada 23 September lalu.

Empat tertuduh terbabit mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Jason Juga atas pertuduhan mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksan yang dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga boleh dikenakan denda atau sebat.

Jason membebaskan kesemua mereka dengan jaminan RM10,000 dengan deposit RM3,000, dan dua penjamin tempatan dengan pekerjaan tetap dan kediaman.

Mereka juga diarah supaya tidak mengganggu mangsa secara peribadi melalui ejen mereka dan melaporkan diri ke balai polis berhampiran sebulan sekali.

Jason kemudian menetapkan 2 November depan untuk pengurusan kes.

Mengikut pertuduhan, empat remaja itu didakwa telah menyebabkan kecederaan parah ke atas seorang lelaki berusia 33 tahun

pada 23 September di Pine Villa Garden, Jalan Bako di sini sekitar jam 12.30 pagi.

Berdasarkan fakta kes, ibu mangsa yang menjadi pengadu dalam kes itu menerima panggilan daripada menantunya yang memaklumkan suaminya (mangsa) dihantar ke Hospital Umum Sarawak (HUS) oleh lelaki tidak dikenali.

Orang ramai mendapati mangsa terbaring di tepi jalan di Demak Laut dalam keadaan lemah.

Doktor yang merawat mangsa kemudian memaklumkan pengadu mengalami pendarahan dalaman di kepala dan patah tangan kanan.

Pengadu kemudiannya membuat laporan polis untuk tindakan lanjut dan keempat-empat remaja itu ditahan pada 25 September.

Siasatan kes mendapati empat remaja itu didakwa memukul mangsa menggunakan belantan di kepala dan badan.

Difahamkan juga, mangsa merupakan bekas majikan kepada dua suspek.

Keempat-empat mereka diwakili peguam Sim Kiat Leng dan Brenda Chong, manakala pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Aiman Mutallib Mohamad Shariff.